

Sri Lanka Meterai MoU Dengan Malaysia, Bangladesh Dan Thailand Bagi Pembelian Farmaseutikal
Bername
10 Mac, 2014

COLOMBO, 10 Mac (Bernama) -- Kementerian Kesihatan Sri Lanka akan memeterai memorandum persefahaman (MOU) dengan Malaysia, Bangladesh dan Thailand bagi pembelian farmaseutikal untuk mengurangkan kebergantungannya pada India, menurut satu laporan.

"Kami menjangka tiga negara ini akan menghantar ubat yang berkualiti kepada kami," menurut The Sunday Leader yang memetik kenyataan jurucakap media Kementerian Kesihatan W M D Wanninayake.

Beliau yakin perjanjian kerajaan dengan kerajaan akan memastikan kualiti produk farmaseutikal.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020688>